

**UCAPAN  
Y.BHG. PROF DATO' DR. MUSA AHMAD  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN  
STAFF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA  
(SUKUM) KE-41 2016**

**8 OGOS 2016 (ISNIN) • KOMPLEKS SUKAN TUNKU NAJIHAH  
• 8.00 MALAM**

---

*Terima kasih pengerusi majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim (Dengan Nama Allah  
Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang) Serta  
Selawat dan Salam Atas Junjungan Rasulullah  
S.A.W*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam  
Integrasi Naqli dan Aqli*

**[SALUTASI]**

1. Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia dan rahmatNya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Kejohanan Sukan Staff Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Ke-41 2016 pada malam ini. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan

merangkap Menteri Mentor USIM yang sudi hadir serta merasmikan majlis ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada Pusat Sukan USIM serta sukaralewan yang terlibat bagi menjayakan kejohanan ini.

2. Mewakili warga USIM, saya sangat mengalu-alukan kehadiran semua kontingen universiti awam daripada seluruh negeri ke USIM. Dimaklumkan bahawa semua persediaan rapi telah diadakan bermula sejak dari tahun lepas bagi memastikan agar kejohanan SUKUM kali ini berjalan dengan lancar. Oleh itu, saya berharap agar anda semua selesai dengan kemudahan yang telah disediakan dan mohon dimaklumkan kepada pihak urusetia jika terdapat sebarang kekurangan. InshaAllah pihak USIM akan membantu mana yang mampu. Saya menjangkakan agar semua atlet dapat memberikan persaingan yang sihat disamping dapat merapatkan hubungan antara universiti. Justeru saya kira, semangat berdaya saing dan bersungguh-sungguh ini dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian supaya setiap yang kita usahakan membuahkan hasil kejayaan yang membanggakan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Dimaklumkan bahawa sebanyak 16 acara utama yang bakal dipertandingkan antaranya bola sepak, kerum, tenis, badminton, tarik tali, catur, basikal, bola jaring, bola tampar, dart, sepak takraw, olahraga, *lawn bowls*, ping pong, futsal, dan tenpin bowling. Sebagai tuan rumah, pihak kami telah memilih tempat pertandingan yang berada di sekitar Nilai dan juga Bangi setelah mengambil kira jarak dan keselesaan kepada atlet. Pada tahun lepas, SUKUM diadakan di UiTM, Shah Alam dan kita lihat bahawa UiTM telah menjadi johan keseluruhan dan pastinya mereka akan cuba mempertahankan kejuaraan tersebut pada SUKUM kali ini. Memandangkan tahun ini kebanyakan universiti hanya memilih untuk menyertai sesetengah acara, adakah UiTM akan dapat meneruskan kejuaraan ini, sama-sama kita nantikan diakhir kejohanan ini.
  
4. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) secara amnya amat menggalakkan penglibatan warga universiti dalam aktiviti sukan sebagai salah satu wadah bagi membentuk dan meningkatkan sahsiah yang berupaya melonjak diri dan karisma serta meningkatkan keberhasilan produktiviti dalam kerja-kerja

seharian di samping melahirkan kakitangan yang mempunyai minda yang cerdas dan tubuh yang sihat. YB. Khairy Jamaludin Abu Bakar, Menteri Belia dan Sukan telah bertindak pro aktif dengan menyediakan pelbagai platform untuk warga Malaysia kekal sihat seperti penganjuran Hari Sukan Negara pada bulan Oktober 2015 di mana program seperti ini penting bagi membina asas ke negara bersukan dan menjadikan sukan sebagai budaya hidup warga Malaysia di samping mempromosikan kempen budaya sukan melalui hashtag(#)*fitmalaysia*.

5. Di dalam konteks Islam,sememangnya setiap Muslim digalakkan untuk bersukan kerana perkara ini jelas di dalam satu hadith Rasulullah SAW iaitu:

***“Ajarlah anak-anak kamu berenang, memanah dan menunggang kuda”.***

Ini jelas menunjukkan bahawa Islam meletakkan kepentingan bersukan dalam melatih umat Islam dan menjadikan badan sihat dan cergas selari dengan kata-kata hikmah daripada negara Arab iaitu “ ***Minda yang cerdas datang dari badan yang sihat***”.

6. Islam juga amat menitik beratkan kesihatan sebagaimana Islam menjaga jiwa dan akal penganutnya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

***“Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu” (Hadis Riwayat Bukhari).***

Sebagai tambahan, menunaikan hak terhadap tubuh badan bererti menikmati tahap upaya badan yang benar-benar baik dan selamat dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani secara optimum sehingga berupaya mencapai potensi dan matlamat kehidupan yang dipandukan agama. Mukmin yang kuat mempamerkan kekuatan agama berbanding dengan mukmin yang lemah di mana perkara ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

***“Orang mukmin yang kuat lebih baik dan disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah”  
(Hadis Riwayat Muslim).***

**Merah Mawar Warna Memikat  
Mekar Mewangi Hati Tertambat  
Kakitangan Cergas Produktiviti Meningkatkan  
Hidup Berkualiti Malaysia Sihat**

7. Akhir kalam, selagi lagi saya merakamkan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Menteri Mentor USIM yang sudi hadir ke majlis pada hari ini. Semoga kejohanan SUKUM pada kali ini dapat membentuk kakitangan universiti awam yang sihat, cerdas dan produktif di dalam pembangunan universiti seterusnya menjadikan universiti awam sebagai pendidikan tinggi unggul di mata dunia.

Sekian, *Wassalam...*